

Selidik spesies tumbuhan

■ 1,000 jenis pokok di Gunung Ledang boleh dikomersialkan

Oleh Hal Rozzaman Jalal

am@hmetro.com.my

Ledang

Lebih 1,000 spesies tumbuhan yang terdapat di Gunung Ledang di sini, sedang dibuat penyelidikan untuk didokumentasi dan dikomersialkan bagi tujuan perubatan, produk kecantikan dan pelbagai kegunaan lain.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Hamim Samuri berkata, kajian yang dilakukan secara saintifik untuk mengetahui pasti nutrisi, potensi, keanekaragaman, kelebihan, keistimewaan dan kegunaannya.

Beliau berkata, penyelidikan dan kajian secara khusus membabitkan saintis dan kepakaran daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Usaha melakukan penyelidikan bermula awal bulan ini dan ia mengambil masa selama enam bulan untuk meneroka Gunung Ledang yang kaya dengan



HAMIMI (tiga kanan) menyumpit sebagai gimik perasmian Program Khidmat Masyarakat UTHM CARE 2.0.

"Terdapat banyak tumbuhan khususnya herba dan akar kayu di kawasan hutan Gunung Ledang"
Hamim Samuri

khazanah alam serta masih belum diterokai dan dieksplorasi sepenuhnya.

"Terdapat banyak tumbuhan khususnya herba dan akar kayu di kawasan hutan Gunung Ledang yang tinggi nutrisi semula jadi serta khasiatnya tetapi tiada kajian khas dilakukan mengenainya," ka-

tanya pada sidang media selepas merasmikan Program Khidmat Masyarakat 'UTHM CARE 2.0' anjuran Pusat Kokurikulum Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Kampung Orang Asli Tanah Gembur dekat Tangkak, semalam.

Hadir sama, Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Ledang, Suzilla Baki; Penolong Pegawai Pendidikan Daerah, Mohd Rasyidi Mohd Dom; Penga-

rah Pusat Kokurikulum UTHM, Professor Madry Dr Ahmad Esa dan Tok Batin Kampung Orang Asli Tanah Gembur, Jengkng Jani.

Hamim berkata, penduduk di kaki Gunung Ledang termasuk masyarakat Orang Asli hanya menggunakan tumbuhan itu sebagai sumber perubatan tradisional sedangkan nilai perubatannya amat tinggi dan pelbagai.

Sementara itu, dalam uca-

pannya, Ahli Parlimen Ledang itu mahu Orang Asli membantu proses kajian yang dijalankan berikutnya mereka mengetahui tumbuhan yang berkhasiat dan memberi manfaat.

"Masyarakat Orang Asli juga perlu memecahkan tradisi dengan tidak hanya mengetahui kegunaan tumbuhan itu secara tradisional tetapi sebaliknya membongkar kehebatannya secara saintifik," katanya.